

RUMUSAN1. Pengenalan :

Hasil dari kajian yang telah dijalankan, terlihat beberapa penemuan yang terlihat dalam masyarakat Jawa ini. Bab ini akan menjelaskan mengenai penemuan-penemuan tersebut serta menjelaskan rumusan-rumusan yang dibuat sebagai hasil kajian ini.

2. Bentuk Solidarity :

Kesimpulannya, hasil dari kajian yang telah dijalankan terhadap masyarakat Jawa ini mendapati, bahawa bentuk solidariti yang wujud dalam masyarakat ini adalah 'organic solidarity'. Ini adalah kerana perjalanan kuasa adat tidak lagi terlihat pengamalannya dalam masyarakat tersebut. Tidak terdapat dalam masyarakat ini satu organisasi tertentu yang berautoriti bagi memastikan perjalanan kuasa tersebut. Masyarakat ini kini adalah mengamalkan bentuk undang-undang baru, iaitu undang-undang civil yang bergerak atas dasar kontrek. Interaksi yang terjalin diantara anggota masyarakat ini pula adalah didasari oleh asas inter dependent atau saling ketergantungan yang mendorong untuk mereka menjalani interaksi dengan individu lain dalam masyarakat.

Namun didapati, bentuk solidariti dalam masyarakat ini adalah unik dimana asas hubungan yang terjalin tidaklah semata-mata kerana inter-dependent individu tersebut sebagaimana yang seharusnya berlaku dalam organic solidarity. <sup>(12)</sup> Terdapat asas-

asas budaya tradisi yang mempengaruhi interaksi tersebut. Ini kerana dari hasil kajian yang dijalankan, masih wujud dalam pola-pola hubungan tersebut penilaian norma dan budaya yang diwarisi. Misalnya terdapat tanggapan untuk tidak tersisih dari masyarakat lainnya, juga terdapat dasar budaya, nilai dan agama serta keikhlasan dalam mana mereka itu cenderung untuk berinteraksi dengan anggota masyarakat lain. Ini tentunya menyimpang dari landasan organic solidarity yang sebenarnya.

Dapat dirumuskan bahawa organic solidarity merupakan bentuk solidariti yang wujud dalam masyarakat ini. Walaupun terdapat faktor-faktor tradisi yang mempengaruhi asas pembentukan interaksi ini, namun secara keseluruhannya asas pembentukan solidariti dalam pembentukan ini merupakan inter-dependent yang diamalkan oleh anggota masyarakat sebagai hasil dari perkembangan sistem pembahagian kerja yang di alami.

### 3. Peranan institusi informal dalam pembentukan silidarity :

Secara keseluruhannya, institusi informal memberikan sumbangan yang tersendiri dalam membantu pembentukan solidariti dalam masyarakat ini.

Proses-proses sosialisasi yang dilalui oleh individu turut melalui penyertaan dalam pergerakan institusi informal. Terlihat anggota masyarakat ini turut membawa anak-anak mereka apabila terlibat dalam mengendalikan atau membantu menguruskan majlis keramaian oleh salah seorang anggota masyarakat. Budaya ini di mana berlaku dalam proses sosialisasi kanak-kanak tersebut

akhirnya di 'internalize' oleh keperibadian mereka. Fenomena inilah yang akhirnya turut mempengaruhi masyarakat Jawa kini dalam bertindak untuk menyertai sebarang pergerakan institusi informal yang wujud dalam masyarakat ini. Di mana ianya merupakan salah satu jentera yang berfungsi untuk menyatukan anggota masyarakat ini.

Penyertaan individu dalam institusi informal ini merupakan satu cara yang efektif untuk melahirkan solidarity dalam masyarakat. Ini kerana struktur ekonomi anggota masyarakat ini adalah berbeza-beza. Ini secara tidak langsung mewujudkan perbezaan dalam aspek pemikiran dan kecenderungan diantara mereka. Fenomena sedemikian tentunya akan mewujudkan halangan-halangan tertentu bagi mereka ini untuk menjalani satu bentuk hubungan yang harmonis. Namun terlihat dalam masyarakat Jawa ini perbezaan tersebut tidak mempengaruhi tahap hubungan yang dijalani. Ini terlihat dalam penyertaan mereka dalam pergerakan institusi informal. Misalnya dalam mengendalikan satu-satu majlis keramaian, mereka akan bergabung tenaga dan bersama-sama menjalankan satu-satu tugas itu tanpa memperlihatkan halangan-halangan tersebut. Di mana dalam melaksanakan tugas tersebut, perbezaan taraf dan ekonomi yang dialami terhapus. Mereka kelihatannya bersama-sama menjalankan kerja yang sama, misalnya membasuh pinggan. Terlihat mereka yang kaya dan miskin misalnya dapat duduk bersama untuk melaksanakan tugas tersebut tanpa memperlihatkan kecanggungan aki dari perbezaan taraf tersebut. Keadaan sedemikian walaupun pada awalnya bersifat sementara, iaitu hanya dalam keadaan tersebut sahaja, namun akhirnya dapat berjalan dalam keadaan-keadaan

biasa yang mana dapat membantu bagi memupuk anggota masyarakat untuk menjalin hubungan akrab diantara mereka.

Keadaan yang sama juga dilalui oleh hubungan yang berlangsung di antara peringkat umur dan jantina. Situasi yang sama mampu meminimalkan halangan-halangan yang dihadapi untuk mereka ini manjalinkan hubungan baik diantara anggota masyarakat lainnya.

Penyertaan anggota masyarakat dalam pergerakan institusi-institusi ini juga mampu memupuk rasa kekitaan dikalangan individu yang turut serta didalamnya. Perbezaan ras yang wujud terutamanya dari golongan pendatang mengakibatkan wujud perbezaan dan pertembungan budaya dan nilai antara mereka. Namun, terlihat dalam masyarakat ini proses adaptasi ras-ras tersebut terhadap budaya lainnya. Ini terlihat terutamanya dalam pergerakan institusi informal. Terdapat bentuk-bentuk amalan baru kini dalam pergerakan institusi tersebut yang berlainan dari apa yang wujud dalam masyarakat tradisi, terutamanya masyarakat kajian iaitu masyarakat Jawa. Perubahan yang memasukkan semua unsur-unsur universal dalam budaya-budaya tersebut akhirnya dapat mengikat anggota masyarakat di kampung Sungai Udang ini. Keadaan sedemikianlah yang mempengaruhi hubungan antara anggota masyarakat tersebut. Di mana upacara-upacara tradisi yang agak ekstrim atau memberati anggota masyarakat kini dihapuskan, dan digantikan dengan upacara yang lebih ringkas dan mudah sesuai dengan keadaan zaman ini yang memerlukan segala sesuatu dijalankan dengan mudah dan cepat. Ini mendorong keseluruhan anggota masyarakat untuk menyertai pergerakan institusi informal ini.

Inilah yang akhirnya memupuk lagi hubungan akrab dikalangan anggota masyarakat ini.

Tegasnya, pengaruh yang dapat dilihat akibat dari penyertaan individu dalam kegiatan institusi informal ini dapat digolongkan dalam tiga peranan yang besar;

i- Peribadi individu;

Iaitu institusi informal turut memainkan peranan yang penting dalam proses pembentukan peribadi anggotanya. Individu yang merupakan unit terpenting dalam sesebuah masyarakat dibentuk untuk tetap mengutamakan aspek moral hasil dari penyertaan dalam institusi informal yang akhirnya mendorong untuk berinteraksi dengan anggota lainnya dalam masyarakat.

ii- Semangat kerjasama;

Penyertaan kedalam institusi-institusi informal turut mempengaruhi individu untuk meng'internalize' aspek ini kedalam diri mereka yang akhirnya memupuk kepada hubungan yang akrab diantara mereka.

iii- Cara hidup;

Terlihat kesan yang ditinggalkan akibat dari penyertaan individu dalam pergerakan institusi informal ini. Cara hidup yang dianjurkan oleh budaya moden kelihatannya da-diimbangi kesannya dari mendasari cara hidup masyarakat kehidupan masyarakat ini hasil dari penyertaan anggota-

nya dalam pergerakan institusi informal ini. Ini terlihat di mana apabila terdapat aspek-aspek moral yang masih wujud da-  
asas-asas perlakuan individu ini. Ini hasil dari kajian yang dijalankan adalah akibat dari penyertaan individu tersebut yang kerap dalam pergerakan institusi informal.

Jelas disini bawa akibat dari penyertaan anggota masyarakat Jawa di kampung Sungai Udang ini tahap hubungan yang dijalani adalah kerap. Ini kerana terlihat dari hubungan-hubungan tersebut, sebahagian besarnya merupakan pelaksanaan dari pergerakan institusi informal tersebut. Maka dapat dikatakan disini bahawa institusi informal maminkan peranan yang penting dalam membantu individu-individu dalam masyarakat ini untuk mewujudkan solidariti dalam kehidupan mereka.